

Anda juga boleh mengetahui tentang Kempen Perlembagaanku atau mengikutinya di

- www.perlembagaanku.com
- www.malaysianbar.org.my/constitutional_law_committee
- www.facebook.com/MyConstitution
- www.twitter.com/MyConsti
- www.youtube.com/user/Perlembagaanku

Kami boleh dihubungi di:

Jawatankuasa Undang-undang
Perlembagaan
Sekretariat Majlis Peguam
No. 15, Lebuh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur

t: 03.2031.3003
f: 03.2026.1313
e: perlembagaanku@gmail.com

Januari 2010



Majlis Peguam

Perlembagaanku
MyConstitution

Kempen Perlembagaanku
Jawatankuasa Undang-Undang
Perlembagaan

Suruhanjaya Pasukan Polis

Suruhanjaya Pasukan Polis bertanggungjawab dalam pelantikan, kenaikan pangkat, pertukaran dan tindakan disiplin terhadap anggota-anggota pasukan polis. Pengerusi suruhanjaya ini adalah Menteri yang bertanggungjawab ke atas pasukan polis (pada masa ini adalah Menteri Dalam Negeri).

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan bertanggungjawab dalam pelantikan, kenaikan pangkat, pertukaran dan tindakan disiplin terhadap anggota-anggota perkhidmatan pendidikan. Anggota perkhidmatan ini termasuk guru-guru dalam semua sekolah kerajaan. Ahli-ahli Suruhanjaya ini dilantik oleh YDPA mengikut budibcaranya setelah mempertimbangkan nasihat Perdana Menteri dan setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Soalan-soalan Lazim

1. Apakah yang istimewa tentang Institusi-Institusi Perlembagaan?

Institusi-Institusi Perlembagaan istimewa kerana ditubuhkan dan diberi fungsi dan kuasa oleh Perlembagaan. Sesebuah Institusi Perlembagaan hanya boleh dimansuhkan, atau sebarang kuasanya dilucutkan atau ditambahkan melalui pindaan kepada Perlembagaan. Secara amnya, ini memerlukan kelulusan oleh dua pertiga daripada ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Namun demikian, sesetengah pihak berpendapat bahawa Parlimen tidak boleh mengubah struktur asas Perlembagaan untuk memansuhkan Institusi-Institusi Perlembagaan, melucutkan hak-hak dan kebebasan atau mengganggu prinsip pemisahan kuasa kerana kesemuanya merupakan asas kepada Perlembagaan.

2. Adakah sesebuah Institusi Perlembagaan lebih penting daripada yang lain?

Tidak. Kesemua institusi adalah sama penting. Setiap institusi mempunyai fungsi dan peranan yang berlainan.

3. Pernahkah Parliment meminda Perlembagaan untuk melucutkan kuasa Institusi-Institusi Perlembagaan? Apakah kesannya?

Ya. Contohnya, pada 1988, satu pindaan Perlembagaan telah dibuat oleh Parliment untuk mengehadkan kuasa Mahkamah-mahkamah.

Sebelum pindaan ini, kuasa Mahkamah tidak terbatas dan dizahirkan daripada Perlembagaan. Mahkamah mempunyai kuasa untuk menyemak semua undang-undang yang digubal oleh Parliment.

Akan tetapi, pindaan Perlembagaan 1988 cuba mengubah keadaan ini supaya Mahkamah akan hanya mempunyai kuasa untuk menyemak undang-undang yang Parliment membenarkan Mahkamah menyemak.

Sekiranya kedudukan ini betul, Mahkamah tidak lagi berupaya berfungsi sebagai badan semakan yang berkesan ke atas Parliment dan Kerajaan. Ini bermakna tiada sistem semak dan imbang yang berkesan antara Institusi-Institusi Perlembagaan utama.

Namun demikian, ramai yang berpendapat bahawa kuasa Mahkamah tidak boleh dilucutkan oleh Parliment melalui pindaan kepada Perlembagaan kerana ia merupakan sebahagian daripada struktur asas Perlembagaan, dan oleh itu, pindaan 1988 tidak berkesan.

4. Bagaimanakah ketiga-tiga Institusi-Institusi Perlembagaan utama menyemak kuasa antara satu sama lain di bawah prinsip Pemisahan Kuasa?

Contoh 1: Bagaimanakah kuasa Kerajaan disemak oleh Parliment?

Ahli-ahli Dewan Rakyat boleh meminta Perdana Menteri atau Kabinet untuk menjelaskan sebarang perkara yang dilakukan atau tidak dilakukan oleh Kerajaan. Sekiranya Kabinet bertindak bertentangan dengan kehendak Dewan Rakyat, Dewan Rakyat boleh meluluskan usul tidak percaya terhadap Perdana Menteri. Dalam keadaan demikian, Perdana Menteri serta Kabinetnya perlu meletakkan jawatan. Di sini, Dewan Rakyat (iaitu Parliment) memastikan bahawa Kerajaan bertindak demi kepentingan rakyat dan tidak menyalahgunakan kuasanya.

Contoh 2: Bagaimanakah kuasa Kerajaan disemak oleh Mahkamah?

Mahkamah boleh menyemak tindakan Kerajaan dan sekitarnya tindakan tersebut bertentangan dengan Perlembagaan atau undang-undang yang dibuat oleh Parliment, maka Mahkamah boleh memperbetulkan tindakan tersebut. Ada yang berpendapat bahawa kuasa Mahkamah terhad dan oleh demikian, ia tidak boleh menyemak sesetengah tindakan yang diambil oleh Kerajaan. (Sila rujuk Soalan 3 di atas)

Contoh 3: Bagaimanakah kuasa Parliment disemak?

Parliment mengubal undang-undang tetapi Mahkamah mempunyai kuasa untuk menafsir undang-undang sekitarnya terdapat ketidakpastian atau peranggahan undang-undang. Mahkamah juga boleh memutuskan bahawa sesuatu undang-undang bertentangan dengan Perlembagaan dan oleh itu, tidak perlu dipatuhi. Namun demikian, terdapat sesetengah perkara yang tidak boleh dipersoalkan oleh Mahkamah seperti prosiding-prosiding Parliment.

Contoh 4: Bagaimanakah kuasa Mahkamah disemak?

Sekiranya seorang Hakim didapati membuat salah laku, melanggar Kod Etika Hakim-Hakim, atau tidak berupaya

secara mental atau fizikal untuk terus menjalankan tugasnya, maka Perdana Menteri boleh menasihati YDPA untuk menubuhkan sebuah tribunal bagi memutuskan samada Hakim tersebut harus dipecat. Tribunal ini dianggotai oleh hakim-hakim yang lain.

Dewan Rakyat atau Dewan Negara boleh membahaskan kelakuan seseorang Hakim tetapi hanya atas usul yang disokong oleh sekurang-kurangnya satu perempat daripada ahli-ahli Dewan tersebut.

Dalam kata lain, Parliment dan Kerajaan boleh mencadangkan tindakan diambil ke atas seseorang Hakim yang menyalahgunakan kuasa, tetapi hanya hakim-hakim lain yang boleh memutuskan samada Hakim tersebut boleh dipecat.

Contoh 5: Mengapa kebebasan Mahkamah penting?

Mahkamah memainkan peranan penting dalam memastikan undang-undang yang digubal oleh Parliment tidak bercanggah dengan Perlembagaan, dan dalam menyekat sebarang penyalahgunaan kuasa oleh Kerajaan. Bagi membolehkan Mahkamah terus memainkan peranan ini, adalah penting bahawa Parliment dan Kerajaan tidak berkuasa untuk bertindak sendiri dalam melucutkan jawatan Hakim-Hakim. Jika tidak, Hakim-Hakim akan bimbang dan khawatir terhadap kedudukan mereka sekerana mereka membuat sesuatu keputusan yang tidak memihak kepada Parliment atau Kerajaan.

Apa Seterusnya?

Pelajari tentang Perlembagaan anda melalui Buku Panduan Rakyat kami yang menyentuh tentang hubungan Persekutuan-Negeri, Rakyat, Eksekutif, Parliment, badan Kehakiman, Pilihanraya dan banyak lagi!



Perlembagaanku MyConstitution



Buku Panduan Rakyat

2. Institusi Perlembagaan & Pemisahan Kuasa

Pengenalan



Dalam *Buku Panduan Rakyat : 1. Apa itu Perlembagaan Persekutuan?*, kita telah mempelajari bahawa Perlembagaan membentuk sistem demokrasi kita, dan perlembagaan adalah undang-undang yang tertinggi di Malaysia.

Di dalam buku kecil ini, kita akan belajar tentang pelbagai institusi yang ditubuhkan oleh Perlembagaan. Apakah fungsi institusi-institusi ini dan mengapakah institusi-institusi ini amat penting?

Apakah Institusi-Institusi Perlembagaan?



Anda tinggal di Malaysia. Anda mahu mengamalkan agama anda, mengemukakan pendapat, bekerja, bermain, makan angin, memiliki harta, dan hidup dengan aman.

Anda mahu jalanraya awam, air bersih, kuasa elektrik dan sistem pendidikan yang baik. Perkara-perkara ini boleh dilakukan **melalui undang-undang**.

Tetapi siapakah yang membuat undang-undang ini? Siapakah yang menguatkuasakannya? Jika anda dan saya tidak bersetuju dengan maksud sesuatu undang-undang, siapakah yang memutuskannya? Di bawah Perlembagaan, institusi-institusi yang berlainan ditubuhkan untuk memastikan perkara-perkara ini dilaksanakan.

Terdapat tiga Institusi-Institusi Perlembagaan yang utama:

- Badan Perundangan ("Parlimen") menggubal undang-undang
- Badan Eksekutif ("Kerajaan") memerintah negara menurut undang-undang
- Badan Kehakiman ("Mahkamah") memutuskan apa yang dimaksudkan oleh undang-undang dan boleh memastikan rakyat dan Kerajaan mematuhi undang-undang tersebut

Parlimen

Parlimen terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong ("YDPA"), Dewan Rakyat and Dewan Negara.

Parlimen merangka, meminda dan memansuhkan undang-undang yang dipanggil Akta atau Statut. Perlembagaan menentukan apa yang boleh atau tidak boleh digubal oleh Parlimen, dan menetapkan prosedur untuk membuat undang-undang.

Kerajaan

Kerajaan terdiri daripada YDPA, Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet dan badan perkhidmatan awam. Kerajaan memerintah negara menurut Perlembagaan dan undang-undang yang digubal oleh Parlimen.

Mahkamah

Terdapat beberapa jenis Mahkamah di Malaysia seperti mahkamah sivil, mahkamah Syariah dan mahkamah anak negeri. Setiap mahkamah ini mempunyai kuasa dan fungsinya tersendiri.

Mahkamah memutuskan pertikaian undang-undang termasuk pertikaian sesama rakyat, dan di antara rakyat dengan Kerajaan.

Apakah Kedaulatan Undang-Undang?




Kedaulatan Undang-Undang merujuk kepada pelbagai gagasan yang unik, di antaranya adalah:

- Parlimen, Kerajaan, Mahkamah dan semua Institusi-Institusi Perlembagaan hanya boleh bertindak selaras dengan undang-undang
- Seseorang hanya boleh dihukum sekiranya Mahkamah mendapatinya bersalah kerana melanggar undang-undang

- Undang-undang mesti jelas dan senang dirujuk oleh semua rakyat
- Undang-undang mesti adil, saksama, dan perlu menghormati hak asasi manusia dan kebebasan Mahkamah
- Semua orang mesti mematuhi undang-undang
- Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang

Apakah Konsep Pemisahan Kuasa?

Anda mungkin bertanya mengapa Perlembagaan membentuk tiga institusi utama (Parlimen, Kerajaan dan Mahkamah) untuk memerintah negara, dan memberi setiap institusi tersebut fungsi dan kuasa yang berbeza. Mengapa Perlembagaan tidak hanya membentuk satu institusi untuk memerintah negara?



Tujuannya dikenali sebagai Pemisahan Kuasa dan sistem semak dan imbang.

Kenapa kuasa perlu diasangkan? Bayangkan jika di bawah Perlembagaan hanya sebuah Institusi X sahaja dibentuk. Maka, Institusi X memiliki semua kuasa untuk memerintah negara. Institusi X ini akan memiliki kuasa untuk menggubal undang-undang, menguatkuaskan undang-undang dan memutuskan maksud undang-undang tersebut apabila berlakunya pertikaian.


mengadu kepada Institusi X sahaja. Jangan lupa, inilah institusi yang telah menggubal undang-undang tersebut dan inilah juga institusi yang merampas harta tanah anda.

Bukankah lebih baik sekiranya terdapat institusi yang berasingan dan bebas untuk mendengar aduan anda dan memutuskan samada undang-undang dan tindakan merampas harta tanah anda adalah betul atau tidak? Bukankah lebih besar kemungkinannya sebuah institusi yang berasingan dan bebas boleh membuat keputusan yang adil?

Pemisahan Kuasa bermaksud bahawa kuasa untuk memerintah negara terbahagi antara institusi-institusi yang berlainan dan bebas. Terdapat sebuah institusi menggubal undang-undang, sebuah institusi menguatkuaskan undang-undang, dan sebuah lagi institusi memutuskan apa yang dimaksudkan oleh undang-undang dan boleh memerintahkan rakyat untuk mematuhiinya. Ini memastikan bahawa tiada sebuah institusi yang terlalu berkuasa atau memiliki kuasa tidak terbatas.

Ini juga membolehkan satu sistem semak dan imbang wujud. Ini bermakna setiap institusi akan bertindak untuk menyemak atau mengawas institusi-institusi yang lain. Ini memastikan institusi-institusi tersebut bertindak selaras dengan peranan-peranan perlembagaan mereka, dan tidak menyalahgunakan kuasa.

Apakah Institusi-Institusi Perlembagaan yang lain?



Seterusnya, bayangkan jika Institusi X meluluskan undang-undang yang menyatakan bahawa mulai hari ini, semua harta tanah adalah miliknya, dan tiada sesiapa berhak untuk memiliki harta tanah. Harta tanah anda kemudian dirampas oleh Institusi X. Anda percaya bahawa ini adalah salah kerana Perlembagaan menyatakan anda boleh memiliki harta tanah. Kepada siapakah akan anda mengadu tentang undang-undang yang digubal oleh Institusi X, dan bagaimanakah anda mendapatkan kembali harta tanah anda? Memandangkan hanya Institusi X yang memiliki semua kuasa untuk memerintah negara, anda hanya boleh

- ♦ Majlis Angkatan Tentera
- ♦ Peguam Negara
- ♦ Suruhanjaya
- ♦ Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan
- ♦ Ketua Audit Negara
- ♦ Yang di-Pertuan Agong
- ♦ Majlis Raja-Raja
- ♦ Suruhanjaya Pilihanraya
- ♦ Lembaga Pengampunan

- ♦ Tribunal Tanah
- ♦ Majlis Kewangan Negara
- ♦ Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan
- ♦ Suruhanjaya Pasukan Polis

sesuatu kesalahan jenayah. PN dilantik oleh YDPA atas nasihat Perdana Menteri.

Suruhanjaya Pilihanraya

Suruhanjaya Pilihanraya ("SPR") mengendalikan proses pilihanraya di Malaysia. Bagi membolehkan SPR, menjalankan tugasnya, Parlimen telah memberi SPR pelbagai fungsi dan kuasa. SPR terdiri daripada seorang pengurus, timbalan pengurus dan lima ahli yang lain. Kesemuanya dilantik oleh YDPA setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja. Dalam membuat pelantikan tersebut, pertimbangan utama yang perlu diambil kira oleh YDPA adalah samada SPR yang dilantik boleh memperoleh kepercayaan rakyat.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ("SPA") bertanggungjawab dalam pelantikan, kenaikan pangkat, pertukaran dan tindakan disiplin terhadap ahli-ahli perkhidmatan awam am Persekutuan serta perkhidmatan awam persekutuan-negeri bersama. Namun demikian, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, pasukan polis dan perkhidmatan pendidikan tertakluk kepada suruhanjaya masing-masing. YDPA melantik ahli-ahli SPA setelah mempertimbangkan nasihat Perdana Menteri dan setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan

Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang ("SPPK") bertanggungjawab dalam pelantikan, kenaikan pangkat, pertukaran dan tindakan disiplin terhadap anggota-anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan. Kakitangan perkhidmatan ini termasuk majistret, hakim mahkamah sesyen, pendaftar mahkamah dan ahli-ahli kamar PN. SPPK terdiri daripada pengurus SPA, PN dan sekurang-kurangnya seorong ahli lain yang dilantik oleh YDPA setelah berunding dengan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan.